

## BAB TIGA

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 Pengenalan

Dalam kajian ini penyelidik menggunakan kaedah tinjauan soal selidik dan temu bual. Tiga set soalan soal selidik telah dibentuk dan telah dilaksanakan ujian rintis untuk menentukan kebolehpercayaan alat pengukur. Data - data yang diperoleh akan dianalisis dengan menggunakan kekerapan dan peratusan. Fokus kajian untuk mendapatkan persepsi remaja terhadap rancangan remaja di TV 3.

#### 3.2 Subjek kajian

Jadual 2: Subjek Kajian

Latarbelakang pelajar	Jumlah pelajar ( N = 60 )	Peratus
<b>Jantina:</b>		
Lelaki	25	41.7
Perempuan	35	58.3
<b>Umur</b>		
16 tahun	28	46.7
17 tahun	32	53.3

Jadual 2, menunjukkan maklumat tentang remaja yang telah dipilih sebagai subjek kajian. Dari segi jantina, seramai 25 orang remaja lelaki manakala seramai 35 orang remaja perempuan. Dari segi umur bilangan remaja sama banyak iaitu 28 orang remaja berumur 16 tahun dan 32 remaja lagi berumur 17 tahun. Jumlah keseluruhan remaja yang menjadi subjek kajian ialah seramai 60 orang remaja

### 3.3 Kaedah Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah penyelidikan tinjauan ( survey method of research ) menerusi soal selidik yang ditadbirkan secara individu. Richards( 1982 ) menyatakan soal selidik merupakan cara yang praktikal dan sesuai untuk kajian bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan. Responden boleh menjawab soal selidik dengan serta merta dan lebih mudah mendapatkan responden dari kaedah temu bual. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat mengumpul maklumat dengan lebih tepat dan jujur dari respondennya. Sebarang masalah yang wujud dari soalan yang terkandung dalam borang soal selidik dapat diselesaikan dengan cepat.

Gay( 1981 ) mendapati umumnya pelajar telah biasa dengan soal selidik. Oleh itu mereka mudah menjawab soal selidik yang ditadbirkan untuk kajian ini. Schweigert( 1994 ) dalam bukunya 'Research methods and statistic in psychology' berpendapat keistimewaan pentadbiran soal selidik secara individu membolehkan penyelidik mendapatkan maklumat yang tepat dan jujur daripada responden dengan menyoal individu.

Wiersma( 1995 ) mendapati dalam kajiannya melalui bukunya *Research methods in education: An introduction* menjelaskan beberapa kelebihan soal selidik yang ditadbirkan secara individu iaitu:

- a. mengelakkan daripada berlakunya masalah responden yang dipilih enggan memberikan respon.
- b. penyelidik boleh mendapatkan maklumat tambahan sebagai maklumat sokongan atau sebagai penjelasan lanjut kepada maklumat yang diberikan. ( jika diperlukan )
- c. peluang untuk mendapatkan maklumat yang diminta melalui soalan terbuka adalah cerah.
- d. penyelidik dapat memastikan segala item telah dijawab dalam borang soal selidik.
- e. penyelidik boleh mendapatkan maklumat daripada responden yang tidak dapat memberikan maklumat melainkan melalui soal selidik yang ditadbirkan secara individu. ( contohnya buta huruf )

Selain dari soal selidik, kajian yang dilakukan juga menggunakan kaedah temu bual yang dilakukan secara tidak langsung. Melalui kaedah temu bual, penyelidik berharap akan dapat:

- a) maklumat daripada responden secara tidak langsung berdasarkan perbualan
- b) memberikan rasa selesa terhadap responden ketika memberikan maklumat yang dikehendaki oleh penyelidik.

- c) Mewujudkan suasana yang harmoni dan rasa selamat daripada tanggapan - tanggapan yang negatif responden terhadap penyelidik

Kaedah temu bual dilakukan adalah untuk memastikan bahawa maklumat yang diberikan oleh responden melalui borang soal selidik adalah benar. Ini kerana dengan temu bual penyelidik dapat membuat andaian tentang maklumat - maklumat yang diberikan oleh responden adalah jujur dan tiada penyelewengan dilakukan.

Di samping itu kaedah ini adalah baik untuk digunakan kerana untuk mendapatkan maklumat - maklumat tambahan yang tidak terdapat dalam borang soal selidik.

### 3.5 Keterangan soal selidik

Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini dibahagikan kepada 3 bahagian. Bahagian A, adalah item tentang maklumat tentang latar belakang subjek. Subjek akan memberikan maklumat tentang jantina, bangsa, bilangan televisyen, masa dan rancangan yang ditonton bersama keluarga. Melalui bahagian ini pengkaji ingin mendapatkan maklumat latar belakang penggunaan televisyen di rumah antara responden dengan keluarga. Adakah remaja menggunakan masa rehat di rumah dengan menonton rancangan televisyen bersama keluarga dan apakah rancangan yang ditonton ketika bersama keluarga.

Bahagian B pula adalah item tentang rancangan remaja di TV3 yang diminati oleh remaja untuk ditonton, faktor yang mendorong remaja menonton rancangan remaja di TV3, kekerapan menonton, masa menonton dan

kesesuaian rancangan yang ditonton.

Bahagian C ialah item yang mengandungi 12 pernyataan. Dalam bahagian ini, subjek akan menjawab soalan - soalan yang berkaitan dengan rancangan televisyen dan kaitannya dengan menonton televisyen dan apakah yang diperoleh daripada menonton televisyen.

Dalam bahagian C, soal selidik menggunakan lima skala likert. Ini merupakan satu kaedah sumatif yang diperkenalkan oleh Likert untuk mengukur sikap( Van Dalen 1993 ). Pernyataan positif dan negatif yang dibentuk dalam pembinaan soal selidik bertujuan mengelakkan subjek daripada menjadi cuai dan bosan sewaktu memberikan maklumat. Skala Likert yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

Sangat tidak setuju	1	markah
Tidak setuju	2	markah
Tidak pasti	3	markah
Setuju	4	markah
Sangat setuju	5	markah

Setiap kenyataan berbentuk positif membawa nilai markah yang sama seperti kod yang diberikan. Kenyataan - kenyataan berbentuk negatif pula nilai markah adalah terbalik daripada nilai yang terdapat dalam kod. Subjek yang mendapat nilai markah maksimum mempunyai pandangan yang positif terhadap pernyataan yang dikemukakan. Manakala subjek yang mendapat skor minimum mempunyai pandangan dan tanggapan yang negatif terhadap pernyataan.

Bagi soalan - soalan temu bual yang ditujukan kepada responden adalah untuk mendapatkan maklumat yang lebih lanjut berdasarkan keterangan yang terdapat dalam borang soal selidik. Soalan - soalan yang dikemukakan kepada responden adalah secara rambang dan tidak langsung iaitu selepas responden mengisi borang soal selidik. Berdasarkan borang soal selidik pengkaji akan bertanyakan beberapa soalan tertentu bergantung kepada keperluan maklumat yang dirasai dapat membantu pengkaji bagi menguatkan dapatan soal selidik. Berikut adalah beberapa soalan - soalan yang ditujukan kepada responden adalah berdasarkan jadual 3.

**Jadual 3: Senarai soalan yang berkaitan dengan rancangan remaja di TV3**

---

**Soalan**

- 1 Kenapa anda meminati rancangan remaja tersebut ?
- 2 Kenapa anda tidak meminati rancangan remaja tersebut ?
- 3 Program - program remaja yang bagaimana anda minat ?
- 4 Adakah anda menonton rancangan remaja kerana meminati pengacara rancangan tersebut ?
- 5 Rancangan remaja yang bercorak apa anda minati ?
- 6 Bila hari siaran rancangan remaja tersebut ?
- 7 Pukul berapa siaran rancangan remaja tersebut ?
- 8 Ibu bapa anda ada tidak mengganggu ketika anda menonton televisyen ?
- 9 Kenapa anda menonton televisyen di rumah ?

- 10 Bilakah masa yang sesuai anda menonton TV ?
- 11 Di masa cuti sekolah apakah yang anda suka lakukan ?
- 12 Apakah faedah yang anda peroleh dari menonton TV ?

Pengkaji juga bertanyakan soalan untuk mendapat kepastian tentang apa yang ditulis adalah menggambarkan apa yang dicatat dalam borang soal selidik daripada responden tentang rancangan - rancangan remaja dan yang berkaitan dengannya.

### 3.5 Kajian Rintis

Kajian rintis telah dijalankan terhadap 20 orang pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Bayor, Selama iaitu kira - kira 10 kilometer dari Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Hj. Hussein. Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Bayor adalah sekolah gred A yang terletak di kawasan luar bandar. Dari sudut pelajaran, subjek rintis ini boleh mewakili sampel kajian sebenar kerana latar belakang yang lebih kurang sama.

Objektif menjalankan kajian rintis ini ialah untuk mengetahui kesesuaian dan ketepatan item-item yang terkandung dalam soal selidik. Pelajar - pelajar yang terlibat dalam kajian rintis ini diminta memberi komen terhadap item-item tersebut. Hasilnya beberapa item telah diperbaiki dan diperkemas untuk menjadikannya lebih tepat, jelas dan mudah difahami. Antara objektif kajian rintis ialah:

- a) menjamin keesahan dan kebolehpercayaan item dari segi ketepatan, kesesuaian istilah dan struktur ayat - ayat tidak ada kekeliruan.

- b) menguji item yang berkaitan dengan pengalaman dan pengetahuan pelajar agar tidak timbul masalah untuk menjawab soalan - soalan yang diberikan.
- c) menilai jangka masa menjawab soalan daripada respon tentang item soal selidik.

### 3.6 Cara Menganalisis Data

Data - data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan program “ statistical Package for the Social Sciences ” ( SPSS ). Untuk menganalisis data ini penyelidik menggunakan statistik deskriptif iaitu untuk membolehkan penyelidik mengkaji kekerapan dan peratusan di kalangan subjek. Ini penting kerana penyelidik beranggapan bahawa perkara - perkara ini merupakan asas untuk menerangkan tentang persepsi remaja terhadap rancangan - rancangan remaja di TV 3. Sekiranya analisis kekerapan yang digunakan menunjukkan sejumlah 50.0 % atau lebih daripada responden memberikan jawapan yang positif, maka status item yang dikaji itu adalah dianggap baik.